

**Analisis Visual Protes Sosial dalam Laman Sesawang Terpilih: Satu Penelitian Wacana Kritis dan Semiotik**

*Analysis of Social Protest Visual in Selected Websites: Research from Critical Discourse Analysis and Semiotics*

Darwalis Sazan\*  
Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh,  
Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, Malaysia  
[darwalissazan@usm.my](mailto:darwalissazan@usm.my)

Md Zahril Nizam Md Yusoff  
Fakulti Bahasa dan Komunikasi  
Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak, Malaysia  
[mdzahril@fbk.upsi.edu.my](mailto:mdzahril@fbk.upsi.edu.my)

Muhamad Fadzllah Haji Zaini  
Fakulti Bahasa dan Komunikasi  
Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak, Malaysia  
[mfadzllah@fbk.upsi.edu.my](mailto:mfadzllah@fbk.upsi.edu.my)

**Published:** 25 April 2024

**To cite this article (APA):** Sazan, D., Md Yusoff, M. Z. N., & Zaini, M. F. (2024). Analisis Visual Protes Sosial dalam Laman Sesawang Terpilih: Satu Penelitian Wacana Kritis dan Semiotik. *PENDETA*, 15(1), 56–70. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol15.1.5.2024>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol15.1.5.2024>

**ABSTRAK**

Kajian ini mengkaji visual sosial terpilih di laman sesawang melibatkan visual protes. Dalam mengkaji peranan dan makna visual protes, kebanyakan kajian lebih terarah kepada visual yang lebih tular melibatkan hal kepolitikan, hiburan dan lain-lain di samping subjektiviti kepada khalayak tentang apa yang digambarkan dalam imej protes itu. Bahkan kajian seperti ini jarang diketengahkan lebih-lebih lagi melibatkan visual protes. Penelitian kajian ini memperlihatkan gabungan analisis wacana kritis dan semiotik dalam menghubungkan keseluruhan dimensi wacana dan visual yang terbina. Untuk tujuan ini, kajian mengaplikasikan kaedah penyelidikan kualitatif dan memanfaatkan dua teori utama iaitu, Teori Analisis Wacana Kritis oleh Fairclough (1992; 1995) dan Teori Kress dan Van Leeuwen (2006). Hasil kajian mendapati bahawa walaupun terdapat perbezaan dalam visual melibatkan protes yang berbeza namun kaum wanita juga dilihat memainkan peranan dalam konteks visual protes ini. Lakuan ini dipengaruhi oleh pendasaran perspektif terhadap permasalahan yang wujud secara khusus. Berdasarkan analisis, kelaziman penolakan isu ini pula dilihat berlaku di persekitaran awam dan latar tempat kediaman. Justeru, dapat dijelaskan bahawa sesebuah wacana yang terbina berupaya mempengaruhi budaya masyarakat tertentu melalui perspektif berbeza yang dilihat sebagai salah satu isu yang besar dan sensitif. Kajian ini penting untuk mengesan ideologi dan kuasa yang tersurat dan tersirat disebalik visual ini dalam sosiobudaya masyarakat tempatan.

**Kata kunci:** visual; protes; laman sesawang; kuasa; ideologi

## ABSTRACT

*This study examines selected social visuals on websites involving protest visuals. In studying the role and visual meaning of protest, most studies are more directed to visuals that are more contagious involving politics, entertainment, and others in addition to the subjectivity of the audience about what is depicted in the image of the protest. Even studies like this are rarely highlighted especially involving visual protest. For this purpose, the study applies qualitative research methods and utilizes two main theories, namely, Critical Discourse Analysis Theory by Fairclough (1992; 1995) and Kress and Van Leeuwen (2006). The results of the study found that although there are differences in visuals involving different protests, women are also seen to play a role in the visual context of these protests. This behavior is influenced by the basis of the perspective on the problems that exist specifically. Based on the analysis, the prevalence of rejection of this issue occurs in public environments and residential settings. Discourse can be explained that a constructed discourse can influence the culture of a certain society through different perspectives which are seen as one of the big and sensitive issues. This study is important to detect the written and implied ideology and power behind this visual in the socio-culture of the local community.*

**Keywords:** *visual; protest; websites; power; ideologi*

## PENDAHULUAN

Pada masa kini, kepelbagaian visual telahpun mempengaruhi masyarakat dalam membentuk pandangan terhadap sesuatu isu yang diutarakan terutamanya apabila unsur-unsur visual ini diketengahkan dalam bentuk imej, grafik mahupun video. Green (2012) menjelaskan bahawa penggunaan unsur visual seperti imej, video, iklan dan sebagainya berupaya untuk membentuk pemikiran atau tingkah laku individu dengan cara tertentu atau menyampaikan maklumat. Pemanfaatan medium visual dapat dilihat apabila seseorang melihat dan fokus kepada input dan kemudian mendapat output daripada penyampaian mesej kepada khalayak. Nur Idayu (2017) menjelaskan pada abad ini manusia banyak menerima pendedahan secara visual. Misalnya, penyampaian mesej dalam pelbagai isu-isu sosial yang dapat meningkatkan kesedaran terhadap suatu perkara. Gabriel, Liliana dan Jonathan (2023) menegaskan lima elemen tentang upaya visual dan mengapa visual ini dianggap penting. Salah satunya adalah melibatkan pengubahsuaian, variasi gambar yang memberikan kelebihan kepada gaya dan jenis kandungan visual untuk menarik minat khalayak. Signifikansi visual ini memudahkan pemahaman, interpretasi dan analisis terhadap suatu fenomena atau objek kajian.

Penggunaan visual juga berperanan untuk menonjolkan dan memahami budaya dan konteks sosial serta representasi dalam masyarakat yang dapat dianalisis secara mendalam. Namun begitu, penggunaan visual tidak hanya memberikan alternatif komunikasi yang efektif dalam penyampaian mesej malah kajian visual juga melibatkan penelitian pada teks.

Kini, kegunaan dan pemanfaatan visual ini telah menjadi bahan rujukan untuk masyarakat menonton segala imej, grafik dan video yang tersedia terutamanya di media sosial. McCarthy et al, (2014) menegaskan penggunaan dan kebergantungan masyarakat terhadap media sosial mencecah 2 bilion orang pada akhir tahun 2016 dan kegunaan ini melibatkan pelbagai aktiviti secara dalam talian. Bahkan menurut Social Media Today (2015) melaporkan bahawa perkongsian imej secara keseluruhan dalam media sosial telah mencapai jumlah 1.8 bilion pada tahun 2015. Pengguna media sosial semakin menunjukkan minat yang berkembang terhadap aspek visual dan konten hantaran media sosial melibatkan imej dan video jika dibandingkan dengan konten teks Balomenou & Garrod, 2019; Li dan Xie, 2020). Hal ini membuktikan bahawa kandungan visual dianggap lebih efektif dalam menyampaikan makna, mensimulasikan pengalaman dan melibatkan pengguna berdasarkan kesan visual tersebut.

Pemanfaatan unsur visual di platform media sosial seperti Instagram, Facebook, Twitter, Blog dan lain-lain memainkan peranan penting dalam menyebarkan mesej sosial. Misalnya, pemaparan gambar dan video yang kerap lebih menarik perhatian dan dapat menyebarkan maklumat dengan pantas kepada masyarakat secara meluas. Hal ini disokong oleh Gretzel (2017) yang menekankan tentang nilai kandungan visual, yakni perubahan dalam komunikasi di media sosial melalui dominasi teks yang kini lebih menekankan unsur visual. Perubahan ini adalah hasil daripada evolusi pengembangan konten di platform media sosial.

Irene, Zhaoyu dan Daniel (2023) menegaskan elemen visual dalam pemasaran media sosial perlu direka dan dimanfaatkan secara strategik untuk membangkitkan minat, keinginan, dan tindakan

penonton. Kemunculan media sosial telah mengubah cara pengguna menangani dan memahami maklumat, serta keperluan dan harapan mereka, dari segi mencari maklumat, berkongsi, dan membuat keputusan dan mencapai matlamat sosial tertentu (Ferguson, 2008).

Bentuk visual sosial itu sendiri dapat diselami dimensi sosial dan budayanya dalam masyarakat bukan sahaja untuk meneliti ilustrasi imej semata-mata. Hal ini merangkumi interaksi kompleks antara unsur-unsur sosial dan budaya dalam kehidupan masyarakat menerusi visual. Keterikatan masyarakat dan budaya dapat mengesan penerimaan atau penolakan terhadap unsur budaya yang memainkan peranan dalam membentuk landskap sosial malah bentuk visual, tulisan dan lisan kesemuanya menyumbang kepada pembentukan sesebuah wacana.

Dalam konteks ini, perkara pokok yang dibincangkan dalam kajian ini adalah penelitian terhadap aspek visual dan teks untuk mengenal pasti pembentukan kuasa dan ideologi yang terbina dalam visual sosial tentang protes yang terpilih dalam laman sesawang akhbar. Isu ini dilihat sebagai salah satu fenomena sosial. Justeru, visual dan teks melibatkan protes secara tidak langsung menunjukkan bahawa proses pemaknaan tertentu dalam budaya tempatan yang menunjukkan adanya kewujudan sesuatu konflik. Lazimnya, konflik dalam masyarakat sering kali berkaitan dengan perbezaan budaya. Nilai dan norma budaya boleh menjadi punca konflik sosial. Kajian ini berupaya untuk mendedahkan kompleksiti hubungan antara dimensi sosial dan budaya dalam konteks kehidupan masyarakat.

### **KONTEKS VISUAL SOSIAL MELIBATKAN PROTES DI MALAYSIA**

Protes telah lama menjadi alat penting untuk menyatakan perbezaan pendapat dan melaksanakan perubahan sosial dan politik. Protes dilihat sebagai satu alat yang digunakan oleh individu bagi mempengaruhi sistem politik atau sosial (van Stekelenburg & Klandermans 2013). Norhafiza (2018) menjelaskan bahawa kewujudan aktiviti protes ini telah lama wujud sebelum Perang Dunia Kedua lagi yang didominasi oleh golongan bawahan untuk tujuan sosial tertentu seperti yang mereka inginkan. Dalam hal ini, elemen visual protes, seperti sepanduk, papan tanda dan protes besar-besaran mempunyai kesan yang mendalam terhadap peristiwa ini dilihat oleh orang ramai. Dalam konteks Malaysia, visual protes sosial adalah penting dalam membentuk naratif dan mendapatkan sokongan. Jamali (2014) visual dalam protes boleh mempengaruhi pendapat umum dan memperoleh sokongan untuk matlamat sosial dan politik. Di Malaysia, konteks visual protes telah menjadi faktor penting dalam menggerakkan orang ramai dan menarik perhatian kepada pelbagai isu. Melalui sepanduk, papan tanda dan kehadiran orang ramai, penunjuk perasaan dapat menyampaikan mesej dan tuntutan mereka kepada orang ramai dan pihak berkuasa. Namun begitu, pandangan Tilly & Tarrow (2006) menyatakan bahawa protes ini boleh berlaku secara sendiri tanpa ada satu kumpulan, komuniti mahupun masyarakat yang bertindak untuk memprotes. Sebagai contoh yang lazim ialah memprotes pilihan atau pengundian dalam politik yang berupaya mempengaruhi khalayak.

Perwakilan visual ini bukan sahaja menarik perhatian tetapi mempunyai kuasa untuk membangkitkan emosi dan simpati akhirnya mempengaruhi pendapat umum (Moriarty, 2005). Selain itu, menganalisis tindak balas dan reaksi terhadap visual ini dan wacana politik boleh memberikan pandangan yang berharga tentang kepentingan visual dalam membentuk tindakan kolektif dan perubahan masyarakat. Sebagai contoh, pergerakan BERSIH versi 2.0, 3.0, HINDRAF seperti dalam kajian Jamali Bujang Sanawi di Malaysia, yang menyokong pilihan raya yang bebas dan adil, telah menggunakan imej visual yang kuat untuk menyampaikan mesejnya (Lee & Chan, 2008). Selain itu, tumpuan pada elemen visual dalam protes berpotensi membayangi isu sebenar yang dihadapi. Apabila penekanan diberikan semata-mata pada tontonan visual protes, terdapat risiko bahawa bahan rungutan dan tuntutan mungkin dibayangi atau hilang dalam tontonan.

Dalam konteks protes di Malaysia, perihal melibatkan protes sosial di Malaysia lazimnya terjadi begitu aktif apabila melibatkan hak asasi, hak sendiri, kepolitikan dan hal-hal penting namun sejak kebelakangan ini terdapat perubahan yang lebih ketara apabila protes yang dijalankan biasanya di tempat awam tetapi kini telah berubah trend bukan sahaja secara awam malah secara pendekatan media sosial juga. O'Neill & Smith (2013) mendakwa bahawa protes dalam gambaran visual sememangnya boleh memberi kesan buruk dan pemahaman yang kompleks kepada khalayak apatah lagi secara media sosial yang boleh dikongsi secara pantas, mudah dan dalam bilangan yang besar.

## **PERNYATAAN MASALAH**

Melihat kepada penelitian wacana kritis dan semiotik dalam visual sosial melibatkan protes, kempen dan yang berkaitan dengannya adalah sangat sukar untuk diperoleh tambahan lagi melibatkan penelitian dari sudut kuasa dan ideologi. Hal ini kerana kajian melibatkan visual lazimnya hanya dilihat secara permukaan sahaja, tetapi jika visual yang dianalisis dilihat dari aspek kuasa dan ideologi maka visual tersebut berupaya menonjolkan kedinamikan melalui sifat kompleks yang diketengahkan kepada khalayak. Berdasarkan penelitian dalam kajian lalu, kebanyakan kajian melibatkan visual wacana kritis dan semiotik memberi penelitian kepada kajian iklan komersial dan produk kecantikan, poster, komik bahkan dalam kajian melibatkan visual protes pula boleh dikatakan bahawa pengkaji lalu lebih tertarik untuk melakukan kajian terhadap visual politik berbanding dengan visual sosial. Hal ini jelas menunjukkan bahawa kecenderungan pengkaji masih kekal tertumpu dari aspek politik kerana berpandangan isu yang diketengahkan lebih ramai pengikut (Marsh & Kaase, 1979). Hal ini dinyatakan bahawa dengan adanya isu protes politik akses dan pengkaedahan seperti demonstrasi, pemboikotan, rusuhan dan lain-lain dapat direalisasikan hasrat mereka.

Sarjana seperti Nur Izzati Abdullah et al, (2021) menyatakan tentang kelompangan kajian melibatkan kajian multimodaliti dalam media cetak yang khusus kepada kajian visual dan tekstual. Penekanan ini dilihat sebagai kajian yang dapat memahami bentuk representasi dalam wacana dan lebih dari sekadar bahasa yang melibatkan budaya dan etnik. Dalam hal ini, penekanan visual protes yang berlandaskan kepada kuasa dan ideologi juga dilihat sebagai satu dapatan data yang mantap dalam merungkai makna atau mesej kuasa dan ideologi tersebut. Pada masa yang sama, kajian ini perlu diteroka dalam mengupas kuasa dan ideologi dan kebergantungan media sosial dalam protes. Hal ini mempunyai pengaruh dan kesan terhadap pembentukan visual justeru kajian ini juga dapat mengesan bentuk protes mikro dan makro dalam perubahan sosial masyarakat seperti budaya, kepolitikan dan lain-lain (Norhafiza, 2018).

Oleh itu, kajian ini perlu dilaksanakan lebih-lebih lagi untuk mengesan kuasa dan ideologi disebalik visual melibatkan protes visual sosial dan ia bukan sekadar visual tular sebaliknya terdapat makna yang tersembunyi disebalik visual tersebut. Justeru kajian sebegini dilihat sebagai satu dapatan yang baharu menyumbang kepada bidang linguistik dalam aspek wacana kritis dan semiotik secara keseluruhan.

## **SOROTAN KAJIAN**

Kajian visual dan wacana kritis mengkhususkan pemahaman terhadap mesej yang disampaikan dalam analisis visual dan bahasa. Penerapan wacana kritis dapat mengenal pasti kekuasaan dan ideologi yang terdapat dalam media dan teks. Penelitian dalam kajian tempatan bagi aspek gabungan wacana kritis dan semiotik melibatkan protes, kempen, hartal sangat jarang dilakukan. Namun begitu, ada sebilangan pengkaji tempat yang meneliti kajian ini yakni kajian oleh Mulyati et al, (2019). Kajian ini meneliti visual iklan pesanan khidmat masyarakat kepada khalayak. Kajian mendapati bahawa penggunaan simbol dalam iklan tersebut dapat membantu mesej yang disampaikan lebih efektif dan dilihat sebagai retorik visual.

Selain itu, kajian melalui kempen Bulan Penghayatan Kebangsaan telah dikaji oleh Sitinurbayu et al, (2020). Kajian ini mengkaji unsur tema dan rema melalui unsur tekstual yang berpandukan pendekatan analisis wacana kritis dalam wacana manifesto Pakatan Harapan. Kajian ini mendapati bahawa penegasan unsur tema dan rema ini menyebabkan ideologi yang disampaikan kepada khalayak mudah meresap melalui penegasan dan pentadbiran berintegriti. Kajian tempatan ini memperlihatkan kajian wacana kritis dan semiotik yang penelitiannya tertumpu kepada iklan dan aktiviti kempen sedangkan kajian yang sedia ada ini masih lagi belum mencukupi.

Selanjutnya, kajian luar pula yang berfokus kepada wacana kritis dan semiotik dihasilkan oleh Entisar Khalifa (2013) mengkaji kempen pengiklanan kontroversi Edmonton Fluid Hair di Kanada. Penggunaan elemen tanda dan simbol berupaya meningkatkan kefahaman tentang makna mesej yang dihantar oleh pengiklan. Bentuk visual yang mempunyai tanda dan simbol juga mempengaruhi psikologi pengguna hal ini sebagaimana yang diketengahkan oleh Chandler dan Ferdinand de Saussure (2002; 1974). Maria (2014) menganalisis poster politik dalam kempen calon pilihan raya untuk parti

politik Ireland. Kajian mendedahkan bahawa ahli politik yang diwakili membina persepsi yang positif sebagai pemimpin politik dan penggunaan visual poster dilihat sebagai satu medium yang berkuasa dalam kempen pilihan raya untuk menonjolkan kuasa parti politik. Kajian ini menjelaskan bahawa wacana visual merupakan salah satu media informasi komunikasi.

Sehubungan dengan itu, Wetzstein (2017) pada tahun tersebut mengkaji wacana visual Hong Kong melibatkan bantahan menggunakan tanda pagar #hongkongprotests di Twitter. Hasil kajian menunjukkan penggunaan tanda pagar #hongkongprotests dan hubungan imej memihak kepada gerakan protes yang mengambil perspektif 'di tempat kejadian'/di lapangan', yang aktif di hadapan kamera pekerja media. Nadia dan Laily (2022) juga memberi tumpuan kepada korelasi antara elemen visual dan linguistik dalam makna visual protes perubahan iklim. Dengan mengkaji visual ini, kajian menunjukkan bahawa protes visual diketengahkan melalui intersemiotik dan sinonim intersemiotik melalui ilustrasi visual bumi dan warna dan unsur linguistik. Kajian ini menunjukkan hubungan yang wujud antara intersemiotik dan sinonim intersemiotik yang membentuk makna dalam visual ini.

Maka dapat disimpulkan bahawa kajian melibatkan wacana kritis dan semiotik ini dapat menonjolkan makna, kuasa dan ideologi yang terbina disebalik visual dan tekstual walaupun menggunakan bahan kajian yang berbeza. Setiap gambaran visual mempunyai gagasan utama yang mengandungi maklumat dan begitu juga dengan penggunaan bahasa. Dalam hal ini, kekurangan kajian melibatkan protes dalam kajian tempatan perlu diketengahkan dalam meneroka makna disebaliknya dalam bentuk bahan data yang terkini dan berbeza dengan kajian sebelumnya.

Oleh hal yang demikian, kajian ini dijalankan bagi menganalisis kuasa dan ideologi disebalik protes dalam visual sosial dan keterhubungannya dengan tekstual protes tersebut secara holistik. Kajian ini terbatas kepada penelitian wacana kritis dan semiotik dalam menyelami dimensi sosiobudaya melalui pendekatan Fairclough dan Kress dan van Leeuwen (1995; 2006).

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini bertujuan:

1. Menganalisis kuasa dan ideologi disebalik visual protes dalam laman sesawang terpilih dan;
2. Menganalisis perkaitan visual dan tekstual visual protes dalam laman sesawang terpilih.


## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif untuk mendapatkan pemahaman yang mendalam terhadap fenomena yang sedang dianalisis. Dengan memberi fokus pada konteks visual protes, metod ini mempermudah pemahaman terhadap aspek-aspek yang kompleks. Dengan meangaplikasikan pendekatan kualitatif, kajian ini akan menghuraikan analisis secara deskriptif berdasarkan dapatan visual protes yang diperoleh. Kajian ini akan menganalisis sebanyak 3 data visual protes yang datanya diperoleh melalui laman sesawang rasmi Harian Metro, Utusan Malaysia dan PanduLaju.com.my. Data visual yang diperoleh terdiri daripada tempoh visual protes tahun 2019 sehingga 2021. Data kajian ini selaras dengan kekinian data melibatkan protes.

Kajian yang akan dilaksanakan akan memanfaatkan Teori Analisis Wacana Kritis oleh Fairclough (1992; 1995) dan Teori Kress dan Van Leeuwen (2006) melalui penganalisan data. Kajian ini mengaplikasi dan menyesuaikan teori wacana kritis dan semiotik untuk menganalisis visual dan makna tekstual. Pengaplikasian teori ini dilihat sangat sesuai dengan latar belakang kajian dan data kajian yang digunakan. Dalam hal ini, pengkaji hanya membataskan kepada penganalisan data melibatkan dimensi makro dan mikro. Hal ini kerana penyesuaian aspek ini yang digabungkan dengan unsur semiotik amat berpada dan terarah kepada aspek fokus kajian ini.

## PENDEKATAN TEORETIS ANALISIS WACANA KRITIS FAIRCLOUGH (1992; 1995) DAN SEMIOTIK OLEH KRESS DAN VAN LEUWEEN

Berdasarkan penyesuaian Teori Fairclough (1992; 1995) ini, teori yang disesuaikan membolehkan pengkaji untuk mengenal pasti wacana yang dianggap sebagai praktik sosial, kuasa dan ideologi dalam masyarakat malah penggunaan bahasa dalam masyarakat juga menurut Fairclough (1992) merupakan satu bentuk praktis sosial. Berpandukan kepada teori Fairclough, terdapat tiga dimensi utama dalam Analisis Wacana Kritis (CDA) yang berfokus kepada bentuk teks, praktis wacana dan praktis sosial. Pendekatan dan penyesuaian kerangka Fairclough yang disesuaikan dalam kajian ini dapat dilihat dalam rajah 1 di bawah:



RAJAH 1: Sumber: Fairclough (1992; 1995)

Analisis tiga dimensi ini melibatkan (i) analisis tekstual (mikro), (ii) analisis praktis wacana (meso) dan (iii) analisis sosiokultural (makro). Dimensi satu (mikro) menjelaskan tentang keupayaan teks sebagai representasi yang memuat ideologi tertentu. Dalam hal ini, analisis pada teks dilakukan bertujuan mengungkap bagaimana sesuatu realiti itu dibentuk dalam teks yang berpotensi membawa implikasi ideologi tertentu.

Pada bahagian dimensi teks ini, mencakupi tiga aspek yang utama iaitu, representasi, hubungan dan identiti. Dimensi kedua (meso) pula menjelaskan tentang praktis wacana melibatkan proses penghasilan dan penggunaan teks. Dimensi ini juga dianalisis berdasarkan faktor pengalaman, pengetahuan mahupun konteks sosial yakni melibatkan pengaruh dari penghasilan wacana yang terbina. Dimensi akhir (makro) pula melibatkan praktis sosiobudaya merupakan dimensi yang berkaitan dengan konteks di luar teks, seperti situasi, masyarakat, budaya dan politik yang berpengaruh terhadap teks. Bagi memahami teks yang terbina, konteks sosial, budaya dan latar belakang penyampaian wacana perlu dianalisis.

Oleh itu, pengkaji akan menyesuaikan ketiga-tiga aspek ini dalam kajian berdasarkan hubungan teks dan konteks sosial. Kekuasaan dan ideologi pula dapat dikesan melalui representasi ciri-ciri sosial dalam masyarakat khususnya dari aspek identiti, tujuan, nilai, norma kedudukan dan sumber. Dalam hal ini, unsur kognitif juga melibatkan ideologi dalam kelompok sosial. Konteks ideologi terbentuk oleh pengalaman individu dan dipengaruhi oleh proses kognitif kelompok sosial dalam masyarakat.

Dalam kerangka ini, ideologi yang berlandaskan kepada unsur kognitif saling berhubung. Pembentukan ideologi ini merupakan satu pengetahuan sosiobudaya yang dimiliki oleh masyarakat mahupun budaya tertentu. Misalnya, sifat maskulin hanya ada pada seorang lelaki dan persepsi ini membina pandangan yang stereotaip dan ciri-ciri maskulin yang ada pada seorang lelaki. Begitu juga dengan bentuk sosial yang lain.



Selanjutnya, penyesuaian semiotik yang dibawa oleh Kress dan van Leeuwen pula berupaya untuk mengenal pasti pelbagai bentuk representasi dalam bahasa visual, seperti representasi realiti dunia, dunia nyata, hubungan antara elemen visual dan bentuk komposisi yang membentuk elemen-elemen dalam bentuk visual. Kress dan van Leeuwen juga mengetengahkan bagaimana imej dan bentuk imej mencerminkan struktur sosial dan ideologi dalam masyarakat. Penggunaan elemen-elemen visual seperti warna, komposisi dan simbol dapat membentuk dan menyampaikan makna ideologi. Dalam hal ini, elemen dalam teori dapat membentuk dasar dalam multimodal dan mengenal pasti penggunaan makna dan interaksi dari sumber semiotik dalam komunikasi multimodal.

Pembentukan visual tersebut mampu merepresentasikan unsur verbal yang wujud justeru penggabungan ini membentuk pemahaman yang lebih mendalam tentang bagaimana makna dihasilkan dan disampaikan melalui berbagai mod semiotik.

Dengan gabungan kedua-dua teori ini melibatkan unsur visual dan verbal dalam kajian ini, kajian ini berupaya meneliti pembentukan kekuasaan dan ideologi dalam bahasa visual. Penyesuaian ini mendasari konseptual yang dapat mengenal pasti struktur sosial, ideologi dan makna dalam representasi visual, dengan implikasi penting untuk analisis budaya dan komunikasi visual.

Oleh hal yang demikian, penggabungan antara teori wacana kritis dan semiotik dapat mengkaji pembentukan kuasa dan ideologi melalui bahasa serta menekankan kepentingan simbol dan tanda dalam membentuk makna. Sintesis ini menawarkan pemahaman holistik tentang bagaimana kuasa, ideologi dan makna diketengahkan melalui pelbagai mod semiotik. Secara keseluruhan, integrasi teori wacana kritis dan semiotik memberikan kerangka analisis yang menyeluruh dan konteks-spesifik untuk memahami penghasilan dan penggunaan makna dalam pelbagai konteks komunikasi visual.

## HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Bahagian ini akan membincangkan dan menghuraikan kuasa, ideologi dan perkaitan visual sosial disebalik visual protes berpandukan pendekatan dan penyesuaian Teori Analisis Wacana Kritis Fairclough (1992; 1995) dan Teori Semiotik Kress dan van Leeuwen (2006). Oleh itu, bahagian ini diketengahkan berdasarkan tiga visual protes yang akan dianalisis seperti dalam rajah 2, 3 dan 4 di bawah. Berikut merupakan analisis bagi Rajah 2:



**RAJAH 2:** Visual protes pembinaan asrama warga asing  
Sumber: Harian Metro

**Jadual 1.** Analisis Wacana Visual Protes Pembinaan Asrama Warga Asing

Struktur dalam Wacana	Representasi Wacana	Elemen Visual dan Wacana
<b>Struktur Makro</b>	<b>Tema</b>	<b>Topik</b>
	Tema yang disampaikan melalui wacana visual.	Wacana visual protes pembinaan asrama bagi warga asing.
	<b>Skematik</b>	<b>Skema</b>
	Pembentukan wacana dalam visual.	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Teks wacana visual : ‘Kami Bantah! Membantah Pembinaan Asrama Warga Asing’. ‘BANTAH!!! BANTAH!!! BANTAH!!! ASRAMA warga Asing’.</li> <li>2. Wujud permasalahan apabila pekerja asing diberi layanan istimewa dengan memberi perlindungan perumahan di kawasan warga tempatan.</li> <li>3. Mengandaikan persamaan hak dan kelebihan antara warga tempatan dan warga asing.</li> <li>4. Mengandaikan bahawa berlakunya permasalahan sosial oleh warga asing di kawasan warga tempatan.</li> </ol>
<b>Struktur Mikro</b>	<b>Semantik</b>	<b>Latar Visual</b>
	Pemaknaan dalam wacana visual.	<p>Sokongan terhadap protes bagi pembinaan asrama warga asing di tempat awam.</p> <p style="text-align: center;"><b>Makna Visual dan Teks</b></p> <p>Orang tempatan dilihat sebagai satu solusi dalam menyingkirkan cadangan pembinaan asrama kepada warga asing.</p>

Berdasarkan analisis dalam Rajah 1, elemen-elemen visual yang menggambarkan demonstrasi atau poster protes dapat menguatkan agenda protes ini. Bentuk teks wacana yang diketengahkan dapat dilihat pada slogan ‘Kami Bantah! Membantah Pembinaan Asrama Warga Asing’. ‘BANTAH!!! BANTAH!!! BANTAH!!! ASRAMA warga Asing. Slogan ini menarik perhatian kerana tegas menyatakan penolakan terhadap pembangunan asrama pekerja asing di kawasan sekitar penduduk. Kuasa dan ideologi penolakan ini mencirikan nilai-nilai atau keyakinan bahawa pembangunan tersebut tidak sesuai dengan kepentingan warga tempatan. Malah penggunaan kata ‘Kami Bantah!!!’ menunjukkan unsur ketegasan yang bersinonim dengan kata ‘menentang’. Kata ini mencerminkan keberanian dan keputusan mutlak untuk menolak bahkan dapat memberi kesan emosi yang kuat kepada khalayak yang melihat. Penggunaan berulang dan huruf besar dalam kata ‘BANTAH!!! BANTAH!!! BANTAH!!!’ menunjukkan kekuatan dan ketegasan dalam penolakan terhadap pembangunan asrama warga asing. Kata ini dapat menggerakkan perasaan dan menyuarakan permasalahan secara langsung.



Abdullah & Othman (2018) menjelaskan bahawa penggunaan dan pemilihan kata merupakan langkah yang signifikan dalam menyuarakan apa yang dilihat. Misalnya, dari aspek linguistik penggunaan sesuatu leksikal membawa konotasi dan makna tertentu dalam memberi makna kepada struktur ayat tersebut. Pengulangan kata yang menunjukkan kekuatan dan ketegasan ini memperkuat tujuan utama dalam isu warga asing. Hal ini dapat memberi pemahaman yang menyeluruh bukan sahaja ketidakpuasan hati terhadap pembinaan asrama warga asing tetapi lebih kepada masalah kehadiran warga asing juga. Seandainya terdapat penekanan kata 'warga tempatan' maka dapatlah membentuk ideologi kesetaraan bahawa semua penduduk tanpa mengira latar belakang seharusnya mendapatkan perlakuan yang sama.

Dengan pembentukan tema, topik dan skematik ini, maka adanya permasalahan yang dikaitkan dengan pemberian layanan istimewa kepada warga asing dengan memberi perlindungan perumahan di kawasan warga tempatan. Hal ini mencerminkan ketidakpuasan terhadap perlakuan khusus yang dirasakan tidak adil yang mengandaikan bahawa ada ketidaksetaraan hak dan kelebihan antara warga tempatan dan warga asing justeru hal ini membina persepsi bahawa cadangan pembinaan asrama warga asing perlu ditolak. Matlamat andaian lain yang diperoleh adalah permasalahan sosial mungkin akan berlaku akibat keberadaan warga asing di kawasan warga tempatan yang menyebabkan adanya kecenderungan untuk berlaku ketegangan sosial atau konflik. Lim dan Tan (2019) mengandaikan bahawa protes visual seperti poster dapat membina emosi yang mendalam melalui imej, simbol, warna dan lain-lain sebagai satu komunikasi visual dalam pergerakan sosial dan aktivisme politik.

Pada masa yang sama, kekuasaan ini dapat mewujudkan pemahaman khalayak serta respons mereka maka hal ini memerlukan pengakuan akan hak dan kepentingan semua pihak terhadap isu yang diutarakan. Dengan adanya andaian ini, hal ini memberi kekuatan dalam menyuarakan kekhawatiran untuk menarik perhatian khalayak melibatkan protes ini. Sehubungan dengan itu, wacana visual ini berlatar belakangkan tempat atau kawasan awam dalam menunjukkan sokongan protes yang dilakukan selain representasi peserta dalam visual ini terdiri dalam kalangan lelaki dan wanita. Hal ini menunjukkan kekuatan dalam memberikan kerjasama terhadap protes bahawa kesepakatan ini dapat mencapai perubahan.

Kuasa dan ideologi disebalik wacana visual dalam rajah 2 ini membina pandangan bahawa masyarakat mempunyai peranan penting dalam membentuk penolakan yang mempengaruhi mereka. Wacana visual ini secara jelas menyampaikan mesej penolakan terhadap pembangunan asrama warga asing, mengemukakan permasalahan yang mungkin berlaku dan mengajukan solusi dengan melibatkan penyertaan dan sokongan protes oleh warga tempatan. Melalui kombinasi teks dan elemen visual, wacana visual ini berusaha mempengaruhi pandangan dan pendapat masyarakat terhadap isu ini. Analisis ini memberikan pemahaman yang menyeluruh tentang agenda protes. Wacana visual ini bukan sahaja menggambarkan rasa tidak puas hati terhadap pembinaan asrama pekerja asing tetapi menangani isu yang lebih luas berkaitan kehadiran pekerja asing di kawasan tersebut.

Rumusannya, wacana visual dalam poster bantahan berkesan menunjukkan kebimbangan dan ketidakpuasan hati penduduk tempatan berhubung layanan istimewa yang diberikan kepada pekerja asing. Analisis menyeluruh terhadap elemen visual menggariskan kuasa wacana visual dalam menyatakan dan menggerakkan pendapat umum.



**RAJAH 3 :** Visual protes doktor kontrak  
Sumber: Utusan Malaysia

**Jadual 2.** Analisis Wacana Visual Protes Doktor Kontrak

Struktur dalam Wacana	Representasi Wacana	Elemen Visual dan Wacana
<b>Struktur Makro</b>	<b>Tema</b>  Tema yang disampaikan melalui wacana visual.	<b>Topik</b>  Wacana visual protes doktor kontrak di perkarangan hospital atau tempat bekerja.
	<b>Skematik</b>  Pembentukan wacana dalam visual.	<b>Skema</b>  1. Teks wacana visual: <i>'Specialist in the making, yet our future is aching'</i> . 2. Mengandaikan pekerjaan dalam bidang perubatan tidak berbaloi dengan tawaran kontrak.
<b>Struktur Mikro</b>	<b>Semantik</b>  Pemaknaan dalam wacana visual.	<b>Latar Visual</b>  Sokongan terhadap protes doktor kontrak.  <b>Makna Visual dan Teks</b>  Tawaran doktor kontrak tidak sewajarnya berlaku lebih-lebih lagi dalam kalangan golongan profesional dan barisan hadapan.  <b>Praandaian</b>  Tidak semua ahli profesional diberikan hak yang istimewa walaupun mereka bakal menjadi seorang pakar.

Selain protes melibatkan warga asing, protes tentang hak doktor perubatan warga tempatan juga tidak terkecuali. Rajah 3 menunjukkan intipati visual tentang protes yang dilakukan oleh sekumpulan doktor perubatan kontrak di luar bangunan hospital. Wacana visual ini mengketengahkan ketidakpuasan terhadap tawaran khidmat secara kontrak bagi doktor perubatan. Pembentukan wacana visual ini melibatkan proses penyampaian mesej yang berkesan untuk mempengaruhi pandangan masyarakat, iaitu dengan menyokong protes ini. Slogan '*Specialist in the making, yet our future is aching*' menjelaskan tentang persediaan seorang doktor untuk menjadi seorang pakar, sementara "*yet our future is aching*" menyampaikan keprihatinan akan nasib kurang baik atau penuh penderitaan pada masa depan. Kata '*aching*' itu sendiri memberi kesan yang mendalam melibatkan emosi dalam menyuarakan ketidakadilan. Slogan ini menunjukkan potensi dan kelayakan yang dimiliki oleh doktor kontrak yang menciptakan kuasa melalui kepakaran yang mereka miliki. Frasa dalam slogan ini mengandaikan pandangan bahawa pekerjaan dalam bidang perubatan terutamanya melibatkan tawaran secara kontrak dianggap tidak setara dan tidak adil dengan usaha dan dedikasi yang diberikan oleh seorang doktor. Slogan ini menggambarkan pemikiran yang mendalam tentang paradoks di dalam bidang perubatan. Pernyataan ini menciptakan gambaran tentang seseorang yang sedang memperoleh keahlian khusus dalam bidang perubatan, namun masa hadapan mereka menggambarkan rasa sakit atau beban yang berterusan disebabkan hanya bergelar sebagai doktor kontrak. Ahmad & Ismail, (2017) menjelaskan bahawa status sosial seseorang akan mempengaruhi perspektif individu dalam gerakan protes yakni, situasi ini penting dalam pembentukan pandangan khalayak serta perubahan sosial.

Dengan penjelas ini, dapat dijelaskan praandaian dari wacana visual untuk menyampaikan bahawa tidak semua ahli profesional diberikan hak istimewa, meskipun mereka bakal menjadi seorang doktor pakar kelak. Wong dan Tan (2019) merumuskan bahawa dalam visual ini implikasi dalam pemikiran dan tindakan khalayak serta cadangan untuk penggunaan lebih lanjut wacana visual dalam perjuangan menentang ketidakadilan dalam skema pekerjaan dalam bidang perubatan.

Kuasa dan ideologi visual pada tahap ini mencerminkan kesedaran sosial serta ketidaksetaraan dalam tawaran kontrak yang mendorong kecaknaan sosial. Hal ini juga dapat membuka mata semua pihak supaya satu tindakan yang proaktif perlu diubah dan diperbaiki agar memberikan hak dan perlakuan yang setara bukan sahaja kepada doktor kontrak malah kepada semua ahli profesional yang terlibat. Kuasa dan ideologi disebalik visual dan teks ini mewujudkan kepercayaan bahawa mesej yang digambarkan dapat membina pemahaman yang mendalam tentang ketidakadilan dalam protes ini. Sehubungan dengan itu, visual terhadap protes doktor kontrak mencerminkan ideologi solidariti dan kekuatan semua doktor kontrak yang terlibat bersama untuk menyuarakan hasrat untuk mengubah skim kontrak kepada skim tetap dalam pelantikan jawatan doktor perubatan. Melalui analisis ini, jelas menunjukkan bahawa kuasa dan ideologi memainkan peran penting dalam menyampaikan mesej wacana visual dengan penekanan terhadap ketidaksetaraan dalam tawaran doktor kontrak dan keperluan untuk mengubah skim ini. Selaku ahli barisan hadapan, mereka berhak mendapatkan perlakuan yang adil dan setara selain menyuarakan hak-hak mereka. Pada masa yang sama, protes ini dapat mendorong pihak berkuasa untuk menambahbaik dasar, akta atau sistem yang baru tentang tawaran kontrak dan hak doktor kontrak (Lim dan Ng, 2020).

Justeru itu, hal ini membina pandangan yang signifikan bahawa sektor ini perlu dihargai secara setara dengan taraf dan tanggung jawab yang mereka berikan. Hal ini akan memberi implikasi yang sangat besar jika protes tidak dapat diselesaikan dan mungkin negara akan kehilangan ramai doktor perubatan mahupun doktor pakar sekiranya skim doktor kontrak masih diteruskan. Oleh itu, sokongan terhadap protes melibatkan doktor kontrak ini menunjukkan kerjasama yang menyeluruh untuk mencapai hak-hak yang setara.

Secara rumusan, dalam Rajah 3 elemen-elemen visual dan teks dapat menonjolkan bagaimana kuasa dan ideologi memainkan peranan penting dalam pembentukan dan interpretasi wacana visual protes ini dan visual ini menjadi sebagai salah satu alat yang berkesan dalam memperjuangkan perubahan dengan menarik perhatian terhadap isu yang mereka hadapi dalam kalangan doktor perubatan kontrak kepada pihak yang dipertanggungjawab. Dengan meneliti gambar-gambar, slogan-slogan, dan simbol-simbol juga dalam wacana visual protes, kajian ini memberikan wawasan yang mendalam tentang bagaimana kuasa dan ideologi disebalik protes

disampaikan dan difahami oleh masyarakat.



**RAJAH 4 :** Visual protes Foodpanda  
 Sumber : PanduLaju.com.my

Jadual 3. Analisis Wacana Visual Protes Foodpanda

Struktur dalam Wacana	Representasi Wacana	Elemen Visual dan Wacana
<b>Struktur Makro</b>	<b>Tema</b>	<b>Topik</b>
	Tema yang disampaikan melalui wacana visual.	Wacana visual protes Foodpanda.
	<b>Skematik</b>	<b>Skema</b>
	Pembentukan wacana dalam visual.	1. Teks wacana visual: ' <i>we are HUNGRY for YOU Foodpanda</i> '. 2. Mengandaikan tidak mendapat perlindungan yang sewajarnya oleh majikan.
<b>Struktur Mikro</b>	<b>Semantik</b>	<b>Latar Visual</b>
	Pemaknaan dalam wacana visual.	Sokongan terhadap protes Foodpanda di tempat awam.  <b>Makna Visual dan Teks</b>  Penaniayaan oleh majikan tidak sewajarnya berlaku apabila pekerja menjalankan tanggungjawab bekerja sepenuhnya.  <b>Praandaian</b> Tindakan majikan tanpa perbincangan bukanlah satu tindakan yang tepat buat pekerja Foodpanda.

Selanjutnya, hasil analisis dalam Rajah 4 pula menunjukkan imej pekerja Foodpanda dan imej Pengarah Urusan (MD) Foodpanda Malaysia, Sayantan Das. Maksud visual protes ini menunjukkan ketidakpuasan hati pekerja. Pengecaman kata ‘*HUNGRY*’ dengan menggunakan huruf besar dalam visual tidak hanya merujuk kepada keinginan untuk makan semata-mata sebaliknya memberi penegasan yang dapat dirasakan oleh semua khalayak. Mesej yang ingin disampaikan ini sangat mendalam dan pemilihan kata ‘*HUNGRY*’ dan “*for YOU Foodpanda*” mencerminkan ideologi bahawa pekerjaan ini hanyalah satu-satunya titik peluh mereka dan hak mereka yang perlu dihormati. Hal ini menunjukkan adanya konflik di antara pekerja dan majikan disebabkan ketidakadilan dan kekurangan perlindungan kepada pekerja. Lee dan Tan (2020) menjelaskan bahawa salah satu penggunaan visual dalam protes adalah untuk membela hak-hak masyarakat dan menentang ketidakadilan dalam skema pekerjaan di Malaysia. Imej Sayantan Das menunjukkan bahawa adanya konflik yang tercetus dan mendesak beliau untuk menyelesaikan perkara ini memandangkan saiz imej yang diketengahkan dalam visual difokuskan secara dekat dengan khalayak. Hal ini menunjukkan bahawa permasalahan yang berlaku bukan sahaja dari pekerja Foodpanda bahkan juga dari imej pengarah urusan Foodpanda Malaysia, iaitu Sayantan Das.

Rentetan itu, sokongan terhadap isu protes ini yang diadakan di tempat awam yang menandakan sokongan dalam kalangan khalayak perlu diketahui dan protes ini dapat mempengaruhi individu dalam menyuarakan hak pekerja dan menentang ketidakadilan ini. Imej dalam rajah 4 juga dapat mengandaikan bahawa adanya konflik di antara pekerja dan Sayantan Das dan visual ini membawa makna yang mendalam. Kata ‘penganiayaan’ membawa maksud konotasi yang kuat menunjukkan intensiti yang tinggi. Bentuk kuasa dan ideologi yang cuba diketengahkan melalui visual dan teks ini menjelaskan penindasan terhadap pekerja seharusnya tidak berlaku bahkan majikan itu sendiri bertanggungjawab untuk mewujudkan persekitaran kerja yang adil dan harmoni.

Dalam konteks ini, dapat dijelaskan bahawa penyalahgunaan kuasa ini termasuklah pengabaian hak pekerja, keselamatan dan kesejahteraan mereka dan tidak memberikan bayaran yang sepatutnya. Oleh itu, hal ini menunjukkan penindasan yang tidak berkaitan dengan prestasi kerja atau sikap pekerja tetapi terarah kepada sikap, tindakan atau ketidakadilan majikan. Protes dalam wacana ini memanfaatkan kuasa visual dan teks untuk menyampaikan naratif emosi dan simpati kepada khalayak tentang nasib pekerja Foodpanda. Chen dan Wong (2019) menjelaskan bahawa kuasa dalam wacana protes visual antara pekerja dan majikan menunjukkan bagaimana kuasa dimanifestasikan dalam konteks protes pekerjaan.

Sehubungan dengan itu, dapat diandaikan bahawa tindakan majikan tanpa perbincangan menyebabkan tercetusnya protes ini maka satu perbincangan khusus di antara majikan dan pekerja seharusnya diwujudkan. Hubungan majikan dan pekerja tidak seharusnya menjadi asing bahkan perlu memahami di antara satu sama lain memandangkan keputusan dalam kalangan pekerja juga amat penting dalam sesuatu tindakan. Dapat dijelaskan bahawa, melalui analisis wacana visual ini secara keseluruhan membentuk kuasa dan ideologi dengan merincikan isu-isu penting dalam protes yang berlaku, seperti hak masyarakat, pekerja, ketidakadilan dan perlindungan kepada semua masyarakat untuk diutamakan agar sebarang konflik tidak berlaku.

## KESIMPULAN

Kajian ini berupaya mencungkil kuasa dan ideologi dibalik visual protes sosial yang berfokus kepada analisis wacana kritis dan semiotik. Dengan adanya kuasa dan ideologi yang tersirat maka terdapat interpretasi yang wujud dalam ketiga-tiga visual protes yang dibincangkan. Unsur visual protes yang dikesan melalui wacana visual secara jelas menunjukkan permasalahan sosial melalui kuasa dan ideologi yang terbina dalam kalangan masyarakat. Dalam perbincangan analisis di atas, unsur gender dalam kalangan wanita juga dilihat sebagai kesaksamaan gender untuk mengubah stereotaip dalam masyarakat melalui peristiwa protes. Selain itu, pencungkilan kuasa dan ideologi dalam visual protes ini menunjukkan satu analisis wacana yang begitu kompleks dalam masyarakat. Pada masa yang sama, hal ini menunjukkan keterhubungan visual dan teks yang membina pemahaman menyeluruh tentang jantina, kekuasaan, ideologi, sosiobudaya dan bentuk sosial yang berhubung dengan konteks protes dalam masyarakat tempatan di Malaysia. Oleh itu, dapat dijelaskan bahawa wacana visual berfungsi sebagai instrumen yang mujarab untuk menggalakkan pembaharuan dan memberi penerangan tentang

keimbangan masyarakat yang penting seperti hak-hak masyarakat, pekerja, ketidakadilan serta keperluan perlindungan saksama bagi setiap individu dalam masyarakat. Oleh hal yang demikian, perbincangan ini dilihat sebagai salah satu keupayaan dalam memberi kesedaran yang perlu dilaksanakan dalam sesuatu tindakan atau keputusan yang tidak adil. Justeru kekuatan dalam memerangi protes adalah dengan adanya kerjasama dan solidariti untuk mencapai satu perubahan yang positif. Diharapkan pada masa akan datang, pengkaji baru dapat mengkaji visual dalam laras berlainan dan membandingkan data kajian untuk mendapatkan hasil kajian baru dalam mencakupi penelitian analisis wacana kritis dan semiotik.

## RUJUKAN

- Abdullah, N. A., & Othman, M. K. (2018). The power of visual communication: Analyzing protest posters in Malaysia. *Journal of Visual Communication*, 17(2), 45-62.
- Ahmad, N. A., & Ismail, R. (2017). The visual rhetoric of protest: Analyzing the discourse of contract medical officers in Malaysia. *Journal of Visual Communication Studies*, 12(3), 145-164.
- Chandler, D. (2002). *Semiotics: The basics*. London: Routledge.
- Chen, J. Y., & Wong, M. H. (2019). Power dynamics in visual protest discourse: A study of foodpanda worker demonstrations in Malaysia. *Visual Communication Quarterly*, 26(4), 275-292.
- Entisar, K., A. (2013). Semiotic analyses of an advertising campaign. *Language and Media Studies*. 1-11. DOI:10.13140/RG.2.1.1119.0168
- Fairclough, N. (1992). *Discourse and social change*. Cambridge, UK: Polity Press.
- Ferdinand, D., S. (1974). Course in General Linguistics. In Gottdiener, M., Boklund-Lagopoulou, K. & Lagopoulos, A.P. (2003). *Semiotics*. London: Sage Publications
- Ferguson, R. (2008). Word of mouth and viral marketing: Taking the temperature of the hottest trends in marketing. *Journal of Consumer Marketing*, 25(3), 179-182.
- Gabriele, C., Liliana, B. & Jonathan, G. (2023). Visual models for social media image Analysis: groupings, engagement, trends, and rankings. *International Journal of Communication* 17(2023), 1956–1983.
- Green, J. (2012). *Advertising*. The Rosen Publishing Group Inc. New York.
- Gretzel, U. (2017). The visual turn in social media marketing. *Tourismos*, 12(3), 1-18
- Harian Metro. 2021. Penduduk Bantah Pembinaan Asrama Pekerja Asing. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/10/764901/penduduk-bantah-pembinaan-asrama-pekerja-asing>. (Diakses pada 15 Januari 2024)
- Irene, C., C. C., Zhaoyu, C. & Daniel, L. (2023). The more the better? Strategizing visual elements in social media marketing. *Journal of Hospitality and Tourism Management*. 54, 268-289. <https://doi.org/10.1016/j.jhtm.2022.11.007>
- Jamali, S., B. (2014). Ideologies underlying the use of photographs in newspaper coverage of Bersih 3.0 rally: A Social semiotic analysis. *Malaysian Journal of Communication*, 30(2) 2014: 41-60.
- Lee, F., L. F. & Chan J. M. (2008). *Making Sense of Participation: The Political Culture of Pro-democracy Demonstrators in Hong Kong*. UK: Cambridge University Press.
- Lee, C. Y., & Tan, L. H. (2020). Visual representation of worker dissatisfaction: A case study of foodpanda protests in Malaysia. *Journal of Communication and Society*, 28(3), 112-129.
- Li, Y., Liu, Y., C, Yang, Y., Rolfo, F. & Groppo, C. (2022). Petrogenesis and tectonic significance of Neoproterozoic meta-basites and meta-granitoids within the central Dabie UHP zone, China: Geochronological and geochemical constraints. *Gondwana Research*. 78, 1-19. <https://doi.org/10.1016/j.gr.2019.08.005>
- Lim, J. Y., & Ng, S. L. (2020). Mobilizing through visual discourse: A case study of contract medical officers' protest posters in Malaysia. *Visual Studies Journal*, 18(4), 215-232.
- Lim, S. Y., & Tan, W. L. (2019). Visual Rhetoric in Protest Discourse: A case study of Anti-GST protest posters in Malaysia. *Journal of Critical Discourse Studies*, 14(3), 321-339.
- María, M., L. (2014). A Multimodal critical discourse analysis of a sample of posters used in the 2016 and 2020 election campaigns in Ireland. *Estudios Irlandeses*, 18, 37-53. <https://doi.org/10.24162/EI2023-11447>
- Marsh, A. and M. Kaase. (1979). Measuring political action. In *Political Action. Mass Participation In Five Western Democracies*, Eds. S. H. Barnes, M. Kaase, K. L. Allerbeck, B. G. Farah, F. Heunks, R. Inglehart, M. K. Jennings, H. D. Klingemann, A. Marsh and L. Rosenmayr. London: Sage Publications.
- McCarthy, A., et al. (2014) Worldwide internet, social network, and Q2 2014. *Complete Forecast*. eMarketer, June, 34

- Moriarty, S. (2005). Visual semiotic theory. In K. Smith, S. Moriarty, G. Barbatsis & K. Kenney (Eds.), *Handbook of visual communication: Theory, methods and media* (pp.227-241). New Jersey: Lawrence Erlbaum Associates Publishers.
- Muliyati, M., A, Abdul, H., H, Muhammad, Z., I. & Mohd, F., H. (2019). Retorik visual sebagai medium komunikasi iklan pesanan khidmat masyarakat: persepsi pelajar dan pereka. *Journal of Management & Muamalah*, (9)2, 27-43.
- Nadia, N. & Laily, H. (2022). Multimodal discourse analysis of visual protest on climate change. *English Journal of Indragiri*, 6(2), 246-226. DOI:10.32520/eji.v6i2.1984
- Norhafiza, M., H. (2018). Perkembangan protes politik di Malaysia: Dari era pra-kemerdekaan hingga tsunami politik. *Jurnal Perspektif*, 20-32.
- Nur, I., A, Anida, S, Zulkifli, O., Husna, F., Mohamed, R. & Nazri, A. (2021). Inferens multimodaliti menerusi strategi integrasi dalam Kartun Usik-usik. *Jurnal Linguistik*, 25(1), 21-36.
- Nur, I., Y. (2017). Pelaksanaan literasi visual dalam pengajaran dan pembelajaran. *Jurnal PENDETA*, 8, 66-71. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol8.7.2017>
- PanduLaju.com.my. (2019). MD Foodpanda: "Tak Mahu Kerja, Beri Kepada Orang Lain". <https://pandulaju.com.my/md-foodpanda-tak-mahu-kerja-beri-kepada-orang-lain/>. (Diakses pada 16 Januari 2024)
- Rahim, N. A., & Ismail, Z. (2020). Mobilizing resistance through visual representation: A case study of protest posters against foreign worker dormitory construction in Malaysia. *Visual Communication Quarterly*, 27(4), 285-302.
- Tilly, C., and Tarrow, S. (2006). *Contentious Politics*. Colorado: Paradigm Publishers.
- Utusan Malaysia. (2021). 30 sertai mogok di HTJ, ramai tak ikut serta sebab jaga pesakit - Utusan Malaysia. [https://www.utusan.com.my/terkini/2021/07/video-30-sertai-mogok-di-htj-ramai-tak-ikut-serta-sebab-jaga-pesakit/#google\\_vignette](https://www.utusan.com.my/terkini/2021/07/video-30-sertai-mogok-di-htj-ramai-tak-ikut-serta-sebab-jaga-pesakit/#google_vignette). (Diakses pada 16 Januari 2024)
- Sitinurbayu, Mohd., Y. Syahrudin, A., A, Aisah, M. & Cyril, M. (2020). Takrifan autoriti sebagai wacana realiti sosial dalam kempen bulan penghayatan kebangsaan. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities* (MJSSH), 5(8), 1-12. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v5i8.455>
- Social Media Today (2015). Forget Text-Based Data: Here Comes Image-Based Data. Accessed online (Diakses pada 20 Januari 2024 di pautan: <http://www.socialmediatoday.com/technology-data/aag/2015-10-21/forget-text-based-data-here-comes-image-based-data>)
- Wetzstein, I. (2017). The visual discourse of protest movements on twitter: The case of Hong Kong 2014. *Media and Communication*, 5(4), 26-36. <https://doi.org/10.17645/mac.v5i4.1020>
- Wong, K. Y., & Tan, H. C. (2019). Visual representations of injustice: analyzing protest visuals of contract medical officers in Malaysia. *Communication and Society Journal*, 25(2), 78-95.
- O'Neill, S., J. & S,ith, N. (2013). Climate change and visual imagery. *WIREs Climate Change Advanced Review*, 5(1), 73-87. <https://doi.org/10.1002/wcc.249>
- Van Stekelenburg, J.,& Klandermans, B. (2013). The social psychology of protest. *Current Sociology*, 61 (5-6), 886-905.